

28/01/1997

## Undang-undang dorong pelabur IT ke Malaysia

CADANGAN merangka undang-undang siber untuk memesatkan lagi kegiatan perdagangan elektronik di negara ini, akan boleh menarik lebih ramai pelabur dalam teknologi maklumat (IT) di pasaran tempatan pada masa akan datang.

Presiden Institut Strategi dan Kepemimpinan Asia (Asli), Mirzan Mahathir, berkata pasaran siber yang begitu meluas di Barat masih kurang dikenali di negara ini dan perlu difahami.

"Halangan utama untuk sebarang kegiatan perdagangan elektronik setakat ini ialah isu keselamatan dan pelbagai pertubuhan perlu bekerjasama bagi mewujudkan `kepercayaan' dalam pasaran elektronik.

"Syarikat harus mengetahui ancaman baru dan teknologi keselamatan mutakhir bagi menangani masalah ini," katanya di persidangan kebangsaan mengenai perdagangan elektronik anjuran Asli di Kuala Lumpur, semalam.

Sidang dua hari disertai lebih 100 peserta yang terbabit dalam industri elektronik itu dirasmikan oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie.

Mirzan berkata, seperti teknologi baru, Internet adalah alat yang menarik yang harus didekati dengan lebih berwaspada oleh dunia perniagaan.

Sebaliknya, kata beliau, jika dilaksanakan dengan sempurna perdagangan elektronik menerusi Internet boleh diolah seperti kaedah komunikasi syarikat, membuat transaksi dan memberi khidmat kepada pelanggan.

(END)